



Agensi Kelayakan Malaysia  
Malaysian Qualifications Agency

Tel: +603 8688 3611 | Faks: +603 8688 3600

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
(Chief Executive Officer)  
**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**  
(Malaysian Qualifications Agency)  
Mercuri MQA  
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan

NO GIFT POLICY

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 2 ( 14 )

Tarikh : 20 Februari 2019

**KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

Tuan/Puan,

**PEKELILING MQA BIL. 3/2019**

**PENGGUNAAN STANDARD PROGRAM: BAHASA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) dengan kerjasama panel standard program yang terdiri daripada ahli akademik dan industri telah membangunkan dokumen jaminan kualiti, Standard Program: Bahasa (Programme Standards: Language).

3. Standard program ini berpandukan kepada tujuh bidang jaminan kualiti di Malaysia serta menepati kehendak dan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF).

4. Standard program ini menggariskan standard minimum pelbagai keperluan khusus bagi program Bahasa sebagai rujukan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam penawaran dan jaminan kualiti program pengajian di Malaysia. Dokumen ini akan turut digunakan oleh pegawai dan ahli panel penilai MQA dalam penilaian akreditasi program Bahasa. Pengamalan proses jaminan kualiti yang tepat, teratur, konsisten dan berpandukan standard program dapat menghasilkan graduan program Bahasa yang berkualiti.

5. Sehubungan itu, PPT yang menawarkan program Bahasa adalah tertakluk kepada penggunaan standard program ini dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh. Sekiranya terdapat perbezaan antara standard program ini dengan standard program yang lebih khusus atau dengan syarat terdahulu yang ditetapkan oleh MQA atau Kementerian Pendidikan Malaysia, maka standard yang lebih tinggi adalah terpakai.

6. Standard program ini perlu dibaca bersama dengan dokumen MQF, Kod Amalan Akreditasi Program (Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA), Kod Amalan Audit Institusi (Code of Practice for Institutional Audit, COPIA) serta dasar dan ketetapan jaminan kualiti pendidikan tinggi semasa. Walau bagaimanapun, PPT boleh membuat penambahan elemen-elemen lain yang bersesuaian selaras dengan aspirasi institusi serta keperluan nasional dan antarabangsa.



Rosa,  
utti hebahan  
PPJK.  
Smialin  
19/3/19

7. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Standard Program: Bahasa adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	01 Mac 2019 sehingga 28 Februari 2020	<p>Tempoh transisi bagi semua program yang telah <b>mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh</b> untuk mematuhi standard program.</p> <p>Nota: Kohort pelajar yang diambil <u>selepas tempoh transisi</u> tamat perlu menggunakan kurikulum baharu.</p> <p>Kohort pelajar yang telah berada dalam sistem, boleh menggunakan kurikulum sebelum ketetapan baharu terpakai seperti mana yang dinyatakan dalam surat tawaran pelajar atau perjanjian antara pelajar dan PPT.</p> <p>Walau bagaimanapun, tiada halangan sekiranya PPT ingin menggunakan kurikulum baharu kepada kohort pelajar sedia ada jika tidak membebankan atau berdasarkan persetujuan pelajar.</p>
2.	01 September 2019	Pengambilan pelajar bagi semua program yang telah <b>mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh</b> perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.
3.	01 September 2019	Semua program baharu yang memohon <b>Akreditasi Sementara</b> perlu mematuhi standard program.

8. Standard Program: Bahasa boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAHMAL BINTI MOHAMED)

E-mel: [rahmah@mqa.gov.my](mailto:rahmah@mqa.gov.my)